



PM tidak campuri siasatan: Douglas

Laporan Mohd Fuad Razali dan Mohd Anwar Patho Rohman

KUALA LUMPUR, Selasa – Isu campur tangan Perdana Menteri dalam pendakwaan sesuatu kes tidak timbul, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas.

Beliau berkata, ini kerana pendakwaan hanya

9 OCT 2002
dibuat apabila Peguam Negara berpuas hati bahawa kes itu mempunyai bukti dan keterangan yang mencukupi.

Menjawab soalan Ramli Ibrahim (Keadilan-Kota Bharu) berhubung dakwaan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan dalam siasatan dan pendakwaan ke atas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Douglas berkata:

“Badan Pencegah Rasuah (BPR) mengambil maklumat mengenai dakwaan itu yang dibuat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Namun tiada siasatan dijalankan kerana kes yang dikaitkan dengan Rafidah ditutup selepas Jabatan Peguam Negara mendapati tiada keterangan mencukupi untuk meneruskan pendakwaan,” katanya.

Katanya, kuasa Peguam Negara untuk mendakwa

atau tidak sesuatu kes itu termaktub dalam Artikel 145(3) Perlembagaan Persekutuan.

Douglas juga berkata, tidak adil untuk menuduh BPR tidak melaksanakan tugas dengan cekap semata-mata kerana bilangan kes yang didakwa adalah kecil.

Katanya, kerajaan tidak boleh dengan sewenang-wenangnya menangkap mereka yang disyaki melakukan rasuah tanpa me-

ngikut lunas undang-undang.

“BPR hanya menjalankan siasatan dan mengumpulkan maklumat, kemudian diajukan kepada Peguam Negara. Terpujang kepada Peguam Negara untuk membuat pendakwaan atau tidak.

“Kita ada kes di Kelantan, siasatan sudah dijalankan tetapi kerana kurang bukti, maka pendakwaan tidak dijalankan,” katanya.

Beliau berkata, sejak

2000 hingga Jun tahun ini BPR menjalankan 2,022 siasatan, termasuk dua kes disiasat mengikut Akta Pencegah Rasuah 1961, Akta Pencegah Rasuah 1997 (1,984), Ordinan No 22 (dua) dan Kanun Kesiksaan (34).

“Dalam tempoh itu, BPR sudah mendakwa 401 orang yang membabitkan 214 kakitangan kerajaan, orang awam dan swasta (185) dan ahli parti politik (dua),” katanya.